

KPT gesa percepat projek pembangunan demi perkukuh pendidikan tinggi

• Oleh Bernama- 21 Julai , 2026 @ 01:45 pm



Aminuddin berkata, prestasi perbelanjaan pembangunan KPT hingga 6 Julai masih berada di bawah sasaran apabila merekodkan 40.88 peratus atau RM1.574 bilion, berbanding purata nasional sebanyak 42.27 peratus. - Gambar fail/Facebook KPT

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menggesa semua agensi di bawahnya supaya mempercepat pelaksanaan projek pembangunan serta meningkatkan prestasi perbelanjaan pembangunan bagi memastikan peruntukan yang diluluskan dimanfaatkan secara optimum. Ketua Setiausaha KPT, Datuk Aminuddin Hassim memaklumkan bahawa sehingga 6 Julai, prestasi perbelanjaan pembangunan KPT mencatat 40.88 peratus, masih di bawah sasaran 55 peratus dan purata nasional. Beliau turut menekankan agar semua projek di bawah Rolling Plan 5 (RP5), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dipercepatkan memandangkan masih terdapat projek yang berada pada peringkat prapelaksanaan.

Bagi memastikan pelaksanaan projek lebih cekap, KPT akan menyelaraskan semula peruntukan pembangunan dengan mengagihkan lebihan dana kepada projek yang berkeupayaan untuk disiapkan mengikut jadual. Selain itu, KPT memperkenalkan langkah penambahbaikan tadbir urus projek termasuk mempercepat penyediaan dokumentasi, mengemas kini status projek melalui sistem MyProject, serta mengguna pakai teknologi pembinaan seperti Industrialised Building System (IBS), Pre-Approved Plan (PAP) dan Building Information Modelling (BIM). Pendekatan ini bertujuan mempercepat pelaksanaan projek, meningkatkan kualiti pembinaan serta mengurangkan kos dan kelewatan.